

## **Muhyiddin jadi individu pertama di negara ini lengkapkan suntikan vaksin COVID-19**

**Astro Awani**

**17 Mac 2021**

**Umavathi Ramayah**

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi individu pertama di negara ini yang melengkapkan suntikan vaksin Pfizer-BioNTech, hari ini.

Beliau menerima suntikan dos kedua Pfizer-BioNTech pada pukul 3.17 petang ini di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Putrajaya di Presint 11, Putrajaya.

Turut mengambil dos kedua hari ini adalah Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Penerimaan suntikan itu disiarkan secara langsung menerusi pelbagai platform media termasuk media sosial, bagi membolehkan rakyat mendapat gambaran sebenar dan menyeluruh Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Terdahulu, Ahli Parlimen Pagoh itu menerima dos pertama pada 24 Februari lalu.

Sebelum ini, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, selepas rundingan dengan Pfizer, akan menandatangani tambah bekalan. Pfizer akan membekalkan 32 juta dos atau 50 peratus daripada populasi atau penduduk Malaysia.

Asalnya jumlah vaksin yang akan dibekalkan adalah sebanyak 20 peratus, kemudian untuk 39 peratus dan kini dimuktamadkan pemberian kepada separuh daripada populasi negara.

© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/muhyiddin-jadi-individu-pertama-di-negara-ini-lengkapkan-suntikan-vaksin-covid19-288494>